

MAJLIS PERSARAAN & ANUGERAH KHIDMAT LAMA

DALAM NORMA BAHARU



“Penerima anugerah dan pesara turut dihiburkan dengan persembahan *live band* dari petugas BERNAMA dan turut membuat penampilan khas ialah Datuk Mokhtar Hussain sebagai gitaris.”



Dalam menangani krisis wabak COVID-19 yang masih belum reda, pelbagai perkara perlu dijalankan dalam norma baharu.

Tidak ketinggalan, Majlis Persaraan & Anugerah Khidmat Lama yang diadakan pada 9 Julai yang lalu turut diadakan dalam norma baharu.

Lebih membanggakan, ini adalah kali pertama majlis rasmi sebegini diadakan secara langsung menerusi aplikasi Zoom dan dihadiri seramai 217 orang penerima anugerah dan pesara secara dalam talian. Majlis yang dianjurkan oleh Bahagian Employee Engagement, Bahagian Sumber Manusia dan Unit Komunikasi Korporat dengan kerjasama petugas Digital Media dan BERNAMA TV ini turut menyetekahkan tema **Black & Gold** dalam semua visual dan *transition* yang dipaparkan sepanjang majlis.

Seramai 172 orang penerima Anugerah Khidmat Lama dan 45 orang pesara bahu tahun 2019, 2020 dan 2021 diraikan dalam majlis yang sederhana tetapi meriah mengikut SOP yang telah ditetapkan. Ucapan penghargaan turut disampaikan oleh Pengerusi BERNAMA, YB Senator Datuk Ras Adiba Radzi dan Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA, Datuk Mokhtar Hussain.

Penerima anugerah dan pesara turut dihiburkan dengan persembahan *live band* oleh petugas BERNAMA dan turut membuat penampilan khas ialah Datuk Mokhtar Hussain sebagai gitaris. Persembahan ini dipimpin oleh Encik Muhammad Hadi Razak dan ternyata pasukan beliau telah mempamerkan satu persembahan yang cukup menghiburkan dengan lagu Gadis Melayu, Kehilangan, Ku Relakan Jiwa dan Sambutlah Kasih.

Sekalung penghargaan buat Pengerusi BERNAMA dan Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA atas penglibatan majlis. Tahniah kepada semua penerima Anugerah Khidmat Lama dan pesara. Tidak lupa juga terima kasih kepada semua tenaga kerja yang terlibat. Diharapkan kerjasama ini akan diteruskan lagi dalam penganjuran majlis yang akan datang. Syabas dan tahniah!

oleh Zarif Haizad Azhari



KATA ALU-ALUAN STRATEGI KORPORAT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera kepada warga kerja BERNAMA.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, Bahagian Strategi Korporat dapat menerbitkan Buletin BERNAMA. Tahniah diucapkan kepada sidang redaksi dan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buletin ini. Penerbitan Buletin ini pastinya menjadi dokumen merakam peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dan aktiviti – aktiviti utama anjuran BERNAMA sepanjang bulan Julai sehingga Oktober 2021.

Untuk maklumat warga BERNAMA, Bahagian Strategi Korporat di bawah Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif adalah gabungan daripada Unit Komunikasi Korporat dan Bahagian *Employee Engagement* yang diwujudkan pada Ogos 2021. Bahagian Strategi Korporat terbahagi kepada tiga unit utama iaitu Unit Perhubungan Korporat dan Kerajaan, Unit Perhubungan Dalam dan Acara dan Unit Penjenamaan dan Perancangan.

Bahagian Strategi Korporat bertanggungjawab mengetuai dan menyelaras urusan berkaitan hal ehwal korporat BERNAMA di samping mengendalikan pelan komunikasi dalam dan luaran termasuk pemantapan jalinan kerjasama baik bersama agensi kerajaan, sektor korporat dan media. Selain itu, bahagian ini bertanggungjawab menerapkan budaya kerja positif, kesetiaan kepada organisasi dan memupuk semangat '*sense of belonging*' yang kukuh di kalangan warga kerja BERNAMA.

Sebagai '*brand custodian*' BERNAMA dalam memantau dan memastikan garis panduan identiti korporat BERNAMA digunapakai dan dipatuhi penggunaannya, Bahagian Strategi Korporat turut berperanan merancang dan melaksana inisiatif-inisiatif yang boleh memperkukuhkan lagi imej dan jenama BERNAMA agar lebih dikenali.

Tentunya inisiatif-inisiatif yang akan dirancang dapat mencapai kejayaan dan memberi impak kepada kita semua dan organisasi keseluruhannya dengan kerjasama dan sokongan dari pihak pengurusan dan warga kerja BERNAMA. Bersama-sama kita bekerja sebagai satu pasukan dengan semangat keluarga BERNAMA agar organisasi kita ini terus unggul sebagai agensi berita nasional yang lebih berdaya saing dan cemerlang.

Terima kasih daun keladi atas kerjasama dan sokongan berterusan dari pihak pengurusan dan warga kerja BERNAMA kepada Bahagian Strategi Korporat.

Mariati Mohd Arif
Ketua Strategi Korporat

SIDANG REDAKSI



BIL. 001 | EDISI JULAI - NOVEMBER 2021

PENASIHAT
Mariati Mohd Arif

PENYELARAS
Zarina Rozali

PENYUNTING
Wan Nor Azura Mior Abdul Aziz

**PENULIS /
PENYUMBANG BAHAN**
Ahmad Nazim Mohamad
Carolyn Fung
Elmi Rizal Elias
Hasnita Ibrahim
Mariati Mohd Arif
Muhammad Farid Iman Faizul Hisham
Ridzuan Ghazali
Suhendri Mohd Daud
Wan Nor Azura Mior Abdul Aziz
Wan Norazween Wan Su
Zarif Haizad Azhari
Zarina Rozali

JURUGAMBAR
Ahmad Zuber Nordin
Fadli Hadi
Suherman Anuar

**PEREKA GRAFIK &
SUSUR ATUR**
Fadli Hadi
Suherman Anuar

PERCETAKAN
Bahagian Pemasaran Foto

TUGAS TUGAS KHAS
Abdul Azim Abd Rahman
Nur Afiqah Zainal
Zakiah Che Rouse

Sidang redaksi Buletin BERNAMA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi BERNAMA dan semua pihak yang menjayakan penerbitan Buletin BERNAMA Edisi \ Julai-November 2021.

Kami mengalu-alukan sumbangan artikel daripada petugas dan boleh diemel kepada strategikorporat@bernama.com

KANDUNGAN

- | M/S | TAJUK |
|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 01 | MAJLIS PERSARAAN & ANUGERAH KHIDMAT LAMA DALAM NORMA BAHARU |
| 02 | KATA ALU-ALUAN STRATEGI KORPORAT |
| 03 | SELAMAT DATANG YB MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

MENYAMBUT KEMERIAHAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA 2021 |
| 04 | COVID-19: KESELAMATAN DAN KEBAJIKAN PETUGAS BERNAMA SENTIASA DIUTAMAKAN |
| 05 | PEMERGIAN MINGGU ANAK SIMON LHASA MERUPAKAN KEHILANGAN BESAR BUAT BERNAMA

LAWATAN MUHIBAH TUAN HAJI AHMAD FUAD YAHYA

BERNAMA SUMBANG KATIL KEPADA PESARA |
| 06 | CABARAN MEMBACA 21 MINIT 21 HARI

BERNAMA APPS: MENDEPANI ARUS TEKNOLOGI |
| 07 | BERNAMA PERKENAL SESI TWITTER SPACES BERSAMA ANNUAR

PENGALAMAN MEMBUAT LIPUTAN SUKAN OLIMPIK |
| 08 | PERKONGSIAN UNIT PEMBANGUNAN INSAN & LATIHAN |
| 09 | WARGA BERNAMA HIAS KOLAM BERWARNA-WARNI SEMPENA PERAYAAN DEEPAVALI

SENARAI EXCO KESATUAN PEKERJA PEKERJA BERNAMA 1974 SESI 2021-2023 |
| 10 | PERISTIWA BERGAMBAR |
| 11 | BERNAMA AGIH BANTUAN ZAKAT KEPADA PETUGAS

SELAMAT BERSARA. TERIMA KASIH ATAS KHIDMAT ANDA.

KEPIMPINAN BAHARU KELAB KAKITANGAN BERNAMA 2021/2022 |
| 12 | PROJEK MENAIK TARAF BANGUNAN BIRO-BIRO BERNAMA SELURUH MALAYSIA (FASA 1) |



SELAMAT DATANG YB MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

oleh Mariati Mohd Arif

Menteri Komunikasi dan Multimedia YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa telah mengadakan lawatan kerja sulung ke BERNAMA pada 3 September 2021.

Akur dengan pematuhan SOP COVID-19 yang ketat, lawatan kerja ini hanya melibatkan kumpulan delegasi yang kecil dan taklimat turut diikuti oleh ketua-ketua jabatan dan bahagian secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom.

Hadir sama mengiringi Menteri dalam lawatan kerja ini adalah Ketua Setiausaha KKMM, YBhg Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek, Timbalan Ketua Setiausaha

(S) YBrs. Puan Mastura Ahmad Mustafa dan Timbalan Ketua Setiausaha (T) YBrs. Encik MA. Sivanesan Marimuthu.

Pengerusi BERNAMA YB Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi dan Ketua Pegawai Eksekutif YBhg Datuk Mokhtar Hussain mengetuai barisan kepimpinan dari BERNAMA.

Dalam amanat YB Menteri beliau menasihati supaya semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia bekerja secara berpasukan dan meneroka cara baharu dalam penyaluran maklumat kerajaan.

MENYAMBUT KEMERIAHAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA 2021

oleh Muhammad Farid Iman Faizul Hisham

Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia adalah masa sesuai untuk rakyat berbilang kaum menunjukkan semangat patriotik dan kasih sayang terhadap negara. Tidak ketinggalan juga di BERNAMA, ianya disambut dengan penuh semangat patriotisme walaupun secara sederhana bersesuaian mengikut persekitaran norma baharu bagi tahun kedua sejak wabak COVID-19 melanda.

Selain dari hebahan poster berkenaan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Bahagian Strategi Korporat telah menganjurkan dua pertandingan untuk penyertaan warga BERNAMA iaitu Pertandingan Pakaian Beragam Bulan Kebangsaan dan Pertandingan Video Pendek Hari Malaysia 2021.

Pertandingan ini adalah sebagai aktiviti pengisian berbentuk keceriaan bersama petugas meskipun dalam keadaan situasi bekerja dari rumah. Selain itu, objektif pertandingan tersebut diadakan adalah untuk memupuk semangat patriotik dan kebersamaan di samping menyambut kemeriahan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Sepanjang kedua-dua pertandingan tersebut berlangsung, penyertaan dalam kalangan warga BERNAMA sangat memberangsangkan. Petugas telah menonjolkan kreativiti mereka dalam

bidang fotografi dan videografi. Bagi Pertandingan Pakaian Beragam Hari Kebangsaan, juara menjadi milik Encik Hamdanawal Muhamad Sukri. Manakala kedudukan naib juara dan tempat ketiga disandang oleh Cik Jeilnyly Masal dan Cik Maznah Abu Bakar.

Pertandingan Video Pendek Hari Malaysia sekali lagi menyaksikan Encik Hamdanawal Muhamad Sukri sebagai juara dan membawa pulang wang tunai kemenangan berjumlah RM300. Naib Juara pula jatuh kepada Encik Mohd Nor Husaini Ismail yang membawa pulang hadiah wang tunai RM200 dan Cik Maznah Abu Bakar yang mendapat tempat ketiga, menerima hadiah wang tunai sebanyak RM100.

Kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan diteruskan lagi dengan program Semarak Merdeka Warga BERNAMA. Program khas untuk petugas ini disiarkan secara langsung menerusi Facebook BERNAMA Staff. Program menampilkan persembahan lagu patriotik dari para petugas, ucapan Hari Kebangsaan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA dan pengumuman pemenang Pertandingan Pakaian Beragam Hari Kebangsaan.

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia untuk tahun ini bukan sekadar mengimbuai kembali perjalanan sejarah kemerdekaan dan pembentukan negara sahaja, tetapi kebersamaan



dan keharmonian sesama petugas tanpa mengira kaum, jawatan dan latar belakang sejajar dengan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Semoga BERNAMA terus melangkah ke arah pertubuhan yang gemilang.



COVID-19: KESELAMATAN DAN KEBAJIKAN PETUGAS BERNAMA SENTIASA DIUTAMAKAN

oleh Zarina Rozali



Pengurusan BERNAMA telah mewujudkan satu Jawatankuasa Task Force COVID-19 sebagai langkah proaktif organisasi sejak negara berdepan dengan pandemik terburuk dalam sejarah. Ianya amat mencabar kepada organisasi untuk meneruskan operasi dalam situasi yang terpaksa berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pergerakan yang amat terbatas.

Oleh yang demikian pihak pengurusan memandang serius terhadap kebajikan pekerja dan mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa ini bagi membincangkan mengenai perkembangan kes jangkitan di kalangan petugas, Prosedur Operasi Standard (SOP) di pejabat bagi mengelakkan risiko jangkitan, kebajikan dan bantuan kepada petugas yang memerlukan, proses vaksinasi petugas dan lain-lain yang berkaitan dengan COVID-19. Setiap minggu satu mesyuarat Jawatankuasa Task Force COVID-19 akan bersidang untuk mengetahui perkembangan terkini jangkitan COVID-19 di kalangan petugas dan lain-lain isu yang berkaitan.

Pihak pengurusan sedar bahawa petugas BERNAMA terutama yang bertugas di lapangan amat mudah terdedah dengan jangkitan COVID-19 kerana mereka bertemu dengan orang ramai. Petugas sentiasa diingatkan untuk sentiasa mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Mereka juga diarahkan untuk terus pulang ke rumah selepas selesai tugas di lapangan dan bagi petugas yang boleh melaksanakan tugas dari rumah diminta kekal berada di rumah. Ketua Jabatan juga perlu memastikan hanya sebilangan kecil petugas mengendalikan operasi bilik berita, TV, Radio dan Digital dan lain-lain agar jika berlaku jangkitan, terdapat petugas lain yang boleh melaksanakan tugas di pejabat. Seperti di kebanyakan Kementerian dan organisasi mesyuarat

juga diadakan secara dalam talian. Bagi memudahkan urusan mesyuarat secara maya ini, ketua jabatan/bahagian dibekalkan *headphone*, mikrofon dan berbagai kemudahan. Malah bilik-bilik mesyuarat utama juga disediakan peralatan untuk persidangan video.

Bahagian Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (TMK) juga turut membantu urusan petugas sekiranya ada yang memerlukan bantuan untuk membawa balik peralatan komputer ke rumah bagi tujuan bekerja dari rumah (BDR).

Bahagian Pentadbiran dan Fasiliti juga turut membantu melakukan proses sanitasi dalam bangunan BERNAMA sebagai langkah pencegahan dan berjaga-jaga daripada penularan jangkitan COVID-19. Ini termasuk juga jika penularan berlaku di biro-biro maka mereka sentiasa bersedia untuk menghantar pasukan ke biro-biro yang berdekatan bagi melakukan proses sanitasi. Selain itu, pengurusan BERNAMA juga bersetuju membeli tangki oksigen bagi membantu petugas yang memerlukannya.

Bagi petugas yang dijangkiti juga akan sentiasa dipantau oleh Bahagian Sumber Manusia sekiranya mereka memerlukan sebarang bantuan. Manakala petugas yang berkontak rapat dengan petugas positif COVID-19 juga akan menjalani 'swab test' di klinik panel yang tertentu serta menjalani kuarantin sendiri selama 7 hari atau sehingga keputusan 'swab test' diperolehi.

Selain itu, AKRAB BERNAMA juga turut membantu memberi sokongan emosi kepada para petugas sekiranya mereka memerlukan seseorang untuk mendengar masalah dan memberi nasihat serta bimbingan.



PEMERGIAN MINGGU ANAK SIMON LHASA MERUPAKAN KEHILANGAN BESAR BUAT BERNAMA

oleh Wan Nor Azura Mior Abdul Aziz

Pada 20 Oktober 2021 adalah hari yang menyedihkan bagi warga BERNAMA apabila Saudara Minggu Simon Lhasa, 53, Editor Tugasan Jabatan Penyiaran (TV & Radio) disahkan meninggal dunia di Hospital Sibul, Sarawak selepas sakit sekian lama.

Saudara Minggu telah menghidapi penyakit Darah Tinggi, Gout dan penyakit buah pinggang peringkat akhir serta

mengalami keadaan "Bed Bound" iaitu tidak mampu berdiri dan bergerak sendiri serta perlu menggunakan kerusi roda.

Ketika hayatnya, beliau merupakan seorang yang periang telah dilantik sebagai wartawan di Meja Ekonomi pada 1 Jan 1995 dan pada 15 Jun 2013 bertugas sebagai Pewarta BERNAMA di Thailand.

Beliau sebelum itu dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur dan dipindahkan ke Hospital Sibul, Sarawak pada 30 Ogos 2021.

Pihak Sumber Manusia iaitu Saudara Muhd Amirulhadi Suradi dan Saudara Yussa Yunus telah membantu urusan perpindahan dan bertemu dengan ahli keluarganya bagi memberi penerangan mengenai urusan perubatan.



LAWATAN MUHIBAH TUAN HAJI AHMAD FUAD YAHYA

oleh Wan Norazween Wan Su

Pada Rabu, 28 Julai 2021, Bahagian Pentadbiran dan Fasiliti dan beberapa wakil petugas BERNAMA telah melakukan lawatan muhibah ke rumah Tuan Haji Ahmad Fuad Yahya, Timbalan Ketua Pengarang (Berita).

Ini merupakan inisiatif oleh Datuk Mokhtar Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA yang mencadangkan untuk membeli tangki gas oksigen pada bulan Mei yang telah pun dibeli dan terus dipinjamkan apabila mendapat berita yang Tuan Haji Fuad memerlukannya setelah dibenarkan pulang oleh pihak hospital untuk proses pemulihan di rumah.

Penstoran pembelian dan penyimpanan alat-alat tersebut ditempatkan di Bahagian Pentadbiran dan Fasiliti dan sehingga Ogos, BERNAMA telah pun memiliki dua tangki oksigen mudah alih (portable), 1 unit oksigen concentrator yang baharu dibeli termasuk aksesori & oxymeter yang telah dibeli

menggunakan peruntukan daripada BERNAMA khas untuk kegunaan petugas-petugas BERNAMA yang memerlukan.

Pembelian tabung oksigen dan peralatan dibeli daripada farmasi yang berdaftar dengan kos sebanyak RM6,000.00.

Peralatan yang dibeli oleh BERNAMA merupakan peralatan dan kelengkapan bantuan pernafasan yang mengikut standard yang kini digunakan di pusat perubatan di Malaysia.

Tuan Haji Ahmad Fuad Yahya telah dijangkiti COVID-19 yang menyerang paru-parunya dan memerlukan alat bantuan pernafasan bagi proses pemulihan di rumah.

Seluruh petugas BERNAMA mendoakan agar Tuan Haji Ahmad Fuad Yahya segera sembuh dan pulih seperti sediakala.



BERNAMA SUMBANG KATIL KEPADA PESARA

oleh Mariati Mohd Arif

Jasa dan sumbangan yang dicurahkan oleh pesara BERNAMA tidak pernah dilupakan sebaliknya khidmat dan bakti mereka akan terus dikenang oleh BERNAMA terutama kepada mereka yang amat memerlukan bantuan sokongan.

Atas keprihatinan tersebut BERNAMA telah menyumbang sebuah katil pesakit kepada Saudara Abu Bakar bin Samad yang dalam keuzuran pada 22 Julai 2021 yang lalu.

Beliau yang menetap di Rembau, Negeri Sembilan, juga lebih mesra dengan panggilan Burn di kalangan rakan-rakan sekerja telah berkhidmat di BERNAMA selama 29 tahun dan bersara pada 18 Februari 2011.

Saudara Burn yang menghidap penyakit kencing manis turut menerima sumbangan daripada rakan-rakan petugas BERNAMA sebagai tanda persahabatan dan simpati dengan keadaan kesihatan beliau.

CABARAN MEMBACA 21 MINIT 21 HARI

oleh Hasnita Ibrahim

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memaksa majoriti petugas bekerja dari rumah tidak menghalang Kelab Bibliofil BERNAMA dan Bahagian Pengurusan Pengetahuan dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan dan Bahagian Strategi Korporat menganjurkan aktiviti membaca bersempena dengan program Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) 2021-2030 dan Bulan Kebangsaan tahun ini.

Penganjuran program *Cabaran Membaca 21 Minit 21 Hari 2021* ini disambut baik oleh petugas BERNAMA kerana di samping memperkasakan Bahasa Kebangsaan, program ini juga dapat menanamkan semangat cintakan negara dan meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan petugas sama ada di peringkat pengurusan mahupun petugas sokongan. Ia juga bertujuan memperkasakan bahasa kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Melayu yang betul semasa berkomunikasi dan dalam penulisan. Amalan membaca ini juga boleh menjadikan seseorang lebih gembira, sihat, produktif serta kreatif.

Seramai 55 orang peserta berjaya menamatkan cabaran membaca ini. Dalam cabaran ini peserta dikehendaki mengemas kini dan melaporkan aktiviti harian iaitu membaca sebuah buku setebal lebih 100 halaman selama minimum 21 minit sehari bermula 1 hingga 21 Ogos. Peserta bebas memilih sebarang tajuk buku yang ditulis dalam bahasa Melayu.

Bagi membantu peserta melaksanakan tugas mereka, pelbagai sesi perkongsian mengenai amalan membaca juga diadakan bagi memberi keyakinan kepada peserta untuk kekal dengan cabaran. Setiap peserta layak menyertai tiga sesi perkongsian Ilmu dalam tempoh 21 hari tersebut iaitu *Membaca*



Pantas oleh Ahmad Yazid Ahmad dari Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia pada 2 Ogos, *Penggunaan Bahasa Melayu yang Betul* oleh Mohamad Letfee Ahmad yang juga Ahli Jawatankuasa Kelab Bibliofil BERNAMA pada 11 Ogos dan *Panduan Membaca* oleh Dr. Zahrah Yunus pada 20 Ogos.

Kemuncak acara ialah *Pertandingan Ulasan Buku* yang menawarkan hadiah wang tunai kepada pemenang.

Majlis penutup Cabaran membaca 21 minit 21 hari 2021 dan penyampaian hadiah pertandingan ulasan buku telah diadakan pada 29 September 2021 di Tingkat 11 Wisma BERNAMA (10 orang hadir) dan Google Meet (20 orang hadir). Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tn Hj Khairdzir Md Yunus selaku Penasihat Kelab Bibliofil BERNAMA diiringi oleh Puan Sharifah Zaini Syed Zain, Ketua Khidmat Pengurusan dan Kewangan.

Statistik cabaran ialah seramai 70 orang mendaftar, 61 orang memulakan cabaran, 55 orang menamatkan cabaran, 43 orang menamatkan cabaran membaca secara berterusan selama 21 hari. Sebanyak 179 buah buku telah dibaca oleh peserta sepanjang tempoh cabaran, seramai 63 orang menghantar borang maklum balas, 33 orang menyertai pertandingan ulasan buku. Sebanyak 42 buah buku yang diulas dan seramai 32 orang peserta yang lengkap cabaran (membaca 21 hari, menghantar ulasan buku dan menghantar maklum balas). Pemenang adalah seperti berikut :

Tempat Pertama
Ridzuan Mohd Ghazali,
Tempat Kedua
Wan Nor Azura Mior Abdul Aziz
Tempat Ketiga
Muhammad Nasrul Abdul Rahim

Kesemua 55 peserta turut mendapat hadiah penyertaan iaitu sumbangan Galeri Ilmu Sdn. Bhd, Dewan Bahasa dan Pustaka, BERNAMA, Voucher KFC Malaysia dan Voucher Marrybrown dan Nasi Lemak McDonald.



BERNAMA APPS: MENDEPANI ARUS TEKNOLOGI

oleh Muhammad Farid Iman bin Faizul Hisham


Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, BERNAMA telah memperkenalkan satu rangkaian aplikasi mudah alih tiga dalam satu bagi memudahkan pengguna untuk mengakses dan mendapatkan informasi semasa sama ada dari dalam negara dan luar negara. Dengan teknologi di hujung jari, pengguna boleh mendapatkan berita atau informasi dengan pantas dan di mana sahaja mereka berada.

Aplikasi ini juga merangkumi pelbagai perkhidmatan termasuk *BERNAMA Wires*, *BERNAMA TV*, dan *BERNAMA Radio*. Pengguna boleh mendapatkan dan memuat turun aplikasi BERNAMA melalui Google Play Store bagi pengguna Android manakala Apple App Store bagi pengguna perisian iOS. Pada masa yang sama, terdapat beberapa ciri yang diperkenalkan dalam perisian aplikasi ini iaitu penstriman secara langsung *BERNAMA Radio*, penstriman langsung daripada *YouTube BERNAMA TV* serta klip video terpilih mengenai informasi, paparan infografik dan berita-berita utama untuk capaian pengguna.

Kewujudan aplikasi ini adalah sejajar dengan konsep Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang ingin mewujudkan masyarakat yang mampan dan berpengetahuan dalam segenap aspek. Bertepatan dengan hasrat BERNAMA agar dapat menjadikan masyarakat Malaysia yang bermaklumat sekaligus dapat memantapkan penjenamaan BERNAMA sebagai sebuah pertubuhan berita yang pantas, sahih dan diyakini.


Produk digital ini memberi informasi terkini kepada mereka yang memiliki aplikasi ini. Jom sama-sama memberi sokongan dengan memuat turun *BERNAMA Apps* untuk menjadi warga BERNAMA yang sentiasa mengikuti perkembangan terkini.

SERTAI DAN IKUTI
@BERNAMA DI :



TWITTER SPACES

BERSAMA
ANNUAR



**TAN SRI
DATUK SERI PANGLIMA TPr
ANNUAR HAJI MUSA**
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

BERNAMA PERKENAL SESI TWITTER SPACES BERSAMA ANNUAR

oleh Mariati Mohd Arif

BERNAMA telah memperkenalkan sesi Twitter Spaces yang dikenali “Bersama Annuar” dengan menampilkan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa secara maya.

Sesi ini merupakan platform interaksi dan komunikasi yang bersifat *game changer* bertujuan menyampaikan maklumat yang lebih efisien dengan pendekatan komunikasi langsung dengan rakyat.

Sesi yang diperkenalkan pada 17 September 2021, bersiaran langsung menerusi Twitter Spaces @BERNAMAdotcom setiap minggu pada pukul 9 malam selama satu jam.

Dikendalikan oleh hos BERNAMA TV, Wan Syahrina serta peneraju BERNAMA Radio, Hanie Hamid, topik yang dirungkai antaranya adalah ‘Keluarga Malaysia... Mencari Persamaan?’, ‘Industri Seni...Memulihkan Yang Terkesan, dan ‘Capaian Internet... Jangan Ada Yang Terpinggir’.

Spaces adalah ciri baharu yang diperkenalkan Twitter untuk pengguna akaun mengadakan perbualan dan perbincangan audio secara langsung bersama ‘followers’ atau pengikut mereka di laman sosial berkenaan.



penulis sudah bermula beberapa hari sebelum berlepas ke Jepun apabila penulis perlu menjalani ujian COVID-19 selama tiga hari berturut-turut dan keputusan ujian perlu negatif.

Setelah mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, setiap individu termasuk penulis perlu melalui pelbagai pusat pemeriksaan.

“Kami perlu menjalani persampelan air liur untuk ujian COVID-19, dan selepas keputusan ujian negatif, perlu menyelesaikan kesemua protokol ditetapkan termasuk pemeriksaan ketat di Imigresen yang mengambil masa kira-kira tiga jam di lapangan terbang tersebut.”

PENGALAMAN MEMBUAT LIPUTAN SUKAN OLIMPIK

oleh Elmi Rizal Elias

Setiap individu termasuk atlet, pegawai mahupun media luar negara yang terlibat pada temasya Sukan Olimpik Tokyo perlu mematuhi prosedur dan protokol keselamatan ketat sebelum dibenarkan memasuki Jepun.

Malah, mereka juga perlu menyelesaikan pelbagai syarat dan peraturan keselamatan itu bermula di negara masing-masing, sehinggalah ketika berada di negara matahari terbit itu.

Bagi penulis, peluang membuat liputan Sukan Olimpik adalah sesuatu yang mengujakan dan sentiasa dinantikan bagi mereka yang bergelar wartawan sukan kerana ia adalah pelengkap kepada kerjaya mereka dalam pelaporan berita sukan.

Namun, cabaran dihadapi penulis bagi membuat liputan temasya Olimpik Tokyo ini jauh berbeza berbanding ketika pengalaman melaporkan berita sukan pada temasya sukan lain sebelum ini. Kesemua prosedur dan protokol keselamatan ditetapkan penganjur Olimpik Tokyo itu berikutan penularan pandemik COVID-19 yang masih melanda dunia sehingga menyebabkan temasya sukan berkenaan ditangguhkan kira-kira setahun daripada jadual asal.

Protokol keselamatan ketat terhadap setiap individu berkenaan termasuk

Selain itu, penulis yang tiba di Tokyo pada Rabu (21 Julai) juga perlu menandatangani ‘written pledge’ untuk mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan kerajaan Jepun bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Di hotel penginapan, penulis perlu menjalani kuarantin selama tiga hari, dan hanya dibenarkan keluar dari hotel maksimum 15 minit bagi tujuan membeli barangan atau makanan di kedai berhampiran, kerana aplikasi dibangunkan penganjur yang dimuat turun dalam telefon pintar, antara lain boleh mengesan setiap pergerakan bagi memastikan tidak melanggar tempoh kuarantin dan pelbagai proses berkaitan lain.

Selama tempoh tiga hari kuarantin tersebut, penulis juga perlu mengemukakan sampel air liur pada

setiap hari bagi memastikan benar-benar bebas daripada wabak penyakit tersebut.

Setiap individu dari negara luar termasuk penulis juga perlu memeriksa suhu mereka sendiri setiap hari dan memuat naik ke dalam aplikasi khas itu, yang juga bertindak sebagai sistem pengesanan kontak COVID-19. Selama 14 hari pertama di Jepun, mereka yang terlibat dalam temasya sukan berkenaan perlu mematuhi gelebung Sukan Olimpik dan melakukan liputan berdasarkan kepada 'perancangan aktiviti' yang diserahkan penganjur, sebelum tiba di bandar raya ini.

Malah, pelbagai prosedur dan peraturan ketat turut dikuatkuasakan kepada petugas media, termasuk tidak boleh menemubual penduduk tempatan, tidak boleh berada di perkampungan sukan atlet seperti pada temasya sukan lain dan tidak boleh sewenang-wenangnya pergi ke sesuatu tempat tertentu yang tiada dalam pelan aktiviti tersebut.

Ini adalah beberapa langkah keselamatan yang harus dilalui penulis dan setiap individu yang memasuki Jepun bagi menyertai Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Kesemua prosedur dan protokol ketat yang terperinci itu terkandung dalam buku panduan Sukan Olimpik Tokyo yang digariskan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan penganjur Olimpik Tokyo.

Biarpun berdepan pelbagai dugaan dan cabaran untuk membuat liputan temasya sukan tersebut, penulis merasakan ia

suatu penghormatan untuk berada di Jepun dalam membuat liputan Sukan Olimpik dalam norma baharu.

Kesemua protokol keselamatan dan prosedur yang ketat itu adalah bagi memastikan Sukan Olimpik Tokyo berlangsung dengan selamat dan lancar ketika dunia masih 'berperang' memerangi wabak COVID-19.



PERKONGSIAN UNIT PEMBANGUNAN INSAN & LATIHAN

oleh Ridzuan Ghazali

Tiada arus yang tidak boleh diharungi jika sampan yang digunakan adalah kukuh tanpa sebarang kebocoran. Itulah yang dapat menggambarkan semangat petugas Unit Pembangunan Insan & Latihan dalam meneruskan penganjuran program latihan di saat pelaksanaan PKP 3.0 akibat Pandemik COVID-19. Sekali pun terdapat beberapa kekangan dan cabaran, unit ini begitu komited dalam memastikan jadual bulanan diisi dengan pelbagai program latihan secara dalam talian yang menarik serta memberi manfaat kepada semua petugas BERNAMA.

Sebagai inisiatif dalam memberi informasi terkini berkaitan program vaksinasi COVID-19, dua program taklimat berkaitan vaksin telah dianjurkan iaitu 'Jangan Takut Ambil Vaksin' (28 Jun 2021) dan 'Vaksin: Manfaat atau Mudarat?' (20 Ogos 2021). Taklimat secara webinar ini telah dikendalikan oleh Dr. Ammar Rashidi Abdullah yang merupakan seorang pakar vaksinasi dari Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang. Pelbagai soalan dan kemusykilan berkenaan vaksin telah dirungkai dengan maklumat yang sangat berinformatif serta mampu membuka minda akan kepentingan vaksin ini dalam membendung penularan COVID-19 di kalangan masyarakat.

Perihal mengurus petugas yang bekerja dari rumah merupakan satu cabaran baharu buat ketua unit atau bahagian di era pandemik ini. Justeru, seorang penceramah motivasi iaitu Dr. Saiful Amin Jalun telah diundang bagi mengendalikan webinar 'Leadership in Pandemic Era' pada 18 – 19 Ogos 2021. Perkongsian selama dua hari ini diyakini dapat membantu para penyelia dalam mentadbir urus kakitangan di bawah seliaan dengan lebih bijak dan berkesan. Selain kursus ini, unit Pembangunan Insan & Latihan telah berjaya menganjurkan 11 program BERNAMA School of Journalism (BSJ), 5 Kursus Dalaman serta 4 Program Pengetahuan Am sepanjang tempoh PKP 3.0.

MAKLUMAN
PROGRAM PENGETAHUAN AM

Jom tonton rakaman webinar

VAKSIN: MANFAAT ATAU MUDARAT?

Penceramah:
Dr. Ammar Rashidi bin Abdullah
Pegawai Penerimaan Malaria
Hospital Kepala Batas

Layari pausan berikut atau imbas kod QR

<https://drive.google.com/file/d/1CKHf8UmE3VimCY3V8CTGuV0PAU3BYa/view?usp=sharing>

UNTUK MAKLUMAT LANJUT BELA-HUBUNGI PN YASMIN (0226477302) / PN SAFARI (0176512040) / CN SYAZWAN (022666661)

Unit Pembangunan Insan & Latihan
Bahagian Modal Insan

BERNAMA

**“Anda cuma ada satu nyawa.
Jaga kesihatan, jaga orang
yang disayang.”**

WARGA BERNAMA HIAS KOLAM BERWARNA-WARNI SEMPENA PERAYAAN DEEPAVALI

oleh Ahmad Nazim Mohamad

Warga BERNAMA, pertama kali pada tahun ini telah menghasilkan hiasan kolam berwarna-warni Deepavali di pekarangan lobi bagi memeriahkan sambutan perayaan Deepavali. Kolam ini telah dihasilkan hanya menggunakan beras, beras pulut, dan pewarna.

Lukisan kolam yang dihiasi dengan logo BERNAMA diketuai oleh Buvanewary a/p David dari Bahagian Perhubungan Media dan Pengurusan Acara (MREM). Turut sama adalah Fateha binti Yusoff (MREM) serta petugas-petugas dari Bahagian Strategi Korporat. Mereka telah mengambil masa selama tiga jam untuk menyiapkan hiasan kolam tersebut.

"Kolam" bukanlah satu nama yang asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia tatkala sambutan perayaan Deepavali. Bagi kebanyakan penganut Hindu, mereka akan menghiasi rumah mereka dengan "kolam" atau "rangoli" yang mempunyai pelbagai warna sebagai tanda selamat dan rahmat supaya setiap isi rumah mendapat kesejahteraan.



SENARAI EXCO KESATUAN PEKERJA PEKERJA BERNAMA 1974 2021-2023

Yang
Di-Pertua



Abu Bakar
Mohamed

Timbalan Yang
Di-Pertua



Amarul Nakhim
Ahmad

Setiausaha



Safiah
Nawawi

Penolong
Setiausaha



Nazellynakmar
Kamarudin

Bendahari



Mohd
Hanafiah Omar

AHLI JAWATAN KUASA



Fariz Rizal
Madzri



Azha Marzuki



Mohammad
Fikri Ahmad



Muhammad
Abdul Hadi
Jurimi



Kamal Fitri
Markom



Khairulazizi
Yahya

**SEMBANG SENI BERSAMA MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA, 22 SEPTEMBER 2021**



**LAWATAN KERJA MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
DATUK SERI DR ADHAM BABA KE BERNAMA, 28 SEPTEMBER 2021**



**KUNJUNGAN PENASIHAT KHAS MENGENAI AFGHANISTAN, KEMENTERIAN LUAR
DATUK AHMAD AZAM AB. RAHMAN, 11 OKTOBER 2021**



BERNAMA AGIH BANTUAN ZAKAT KEPADA PETUGAS

oleh Zarif Haizad Azhari



Bahagian Sumber Manusia, dengan kerjasama Bahagian Strategi Korporat telah mengadakan Majlis Penyerahan Zakat Wakalah BERNAMA 2021 bertujuan untuk menyalurkan bantuan zakat kepada petugas-petugas yang layak.

Seramai 36 orang petugas BERNAMA yang layak menerima zakat diraikan pada majlis tersebut terutama mereka yang terkesan akibat wabak COVID-19.

Majlis diadakan secara hibrid di tingkat 14 dengan kehadiran 10 orang penerima sahaja manakala penerima yang lain menyaksikan majlis melalui aplikasi Zoom. Jutaan terima kasih kepada semua pihak termasuk pasukan teknikal yang turut membantu bagi menjayakan majlis tersebut.

SELAMAT BERSARA. TERIMA KASIH ATAS KHIDMAT ANDA.



Augustin A/L Adikilam
Biro Putrajaya
1/2/1983 - 15/8/2021



Cik Rashidah Abd Ghani
Meja Rencana & Penulisan Strategik
1/9/1984 - 14/8/2021



Ganeson A/L K Kandiah
Biro Pulau Pinang
15/3/1982 - 28/8/2021



Fuzahir Nayan
Bahagian Kewangan & Akaun
18/4/1984 - 28/8/2021



Mohd Nasir, Abdul
Bahagian Modal Insan
1.4.2004 - 1.10.2021



Ahmad Ghazali Dato' Hj Ismail
Bahagian Kewangan & Akaun
1.7.1991 - 31.10.2021

KEPIMPINAN BAHARU KELAB KAKITANGAN BERNAMA 2021/2022

Buat pertama kalinya, Kelab Kakitangan BERNAMA (KKB) telah mengadakan Mesyuarat Agung pada 21 Oktober 2021 yang lalu secara virtual melalui aplikasi Zoom. Seramai lebih 150 orang petugas ibu pejabat dan biro negeri telah terlibat secara langsung dalam mesyuarat ini.

Selain mendengar pembentangan laporan oleh jawatankuasa KKB, sebanyak 24 hadiah cabutan bertuah telah dimenangi oleh ahli yang telah mendaftarkan diri secara dalam talian sebelum mesyuarat berlangsung. Mesyuarat berakhir dengan pengumuman barisan jawatankuasa baharu yang akan menerajui KKB bagi tahun 2021/2022.

Presiden



Encik Roslan
Ariffin

Timbalan
Presiden



Shahrul Azim
Rambli

Setiausaha



Muhammad
Abdul Hadi
Jurimi

Bendahari



Kamalfikri
Markom

AHLI JAWATAN KUASA



Dari kiri :

Mohd Shukhairman Mohd Zain, Mohamad Fikri Ahmad, Ahmad Zuber Nordin, Nur Syazwani Baharudin, Akmal Hakim Mohd, Norhafizee Mahamad Nasir, Wan Azriyana Wan Ali

PROJEK MENAIK TARAF BANGUNAN BIRO-BIRO BERNAMA SELURUH MALAYSIA (FASA 1)

oleh Suhendri Mohd Daud

BERNAMA telah mengorak langkah seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin berkembang pesat melalui pelaksanaan Projek Menaik Taraf Bangunan Biro-Biro BERNAMA Seluruh Malaysia (Fasa 1) di bawah peruntukan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11, *Rolling Plan* ke-4 Tahun 2020 (RMKe-11, RP4 2020). Projek Fasa 1 ini melibatkan 3 bangunan biro BERNAMA iaitu Johor, Pahang dan Sarawak.

Kaedah pelaksanaan bagi menaik taraf ketiga-tiga biro ini adalah melalui Reka & Bina (*Design & Build*) yang mana ini merupakan kali pertama kaedah ini dilaksanakan dengan penyediaan dokumen *Penyataan Keperluan (Need of Statement)* bagi melantik kontraktor berdasarkan peruntukan sedia ada. Ternyata projek ini telah berjaya dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah diluluskan oleh pihak Pengurusan BERNAMA.

Persekitaran reka bentuk dalaman yang berkonsep *contemporary rustic* menggabungkan ciri-ciri *contemporary* dan *bare finish material* menjadikan imej BERNAMA lebih *futuristic* di samping rekaan fasad hadapan bangunan biro yang pasti menjadi tarikan utama dalam kerja-kerja menaik taraf ini. Dengan lahirnya idea dan konsep ini, petugas BERNAMA dapat melaksanakan tugas di mana-mana sahaja ruang di dalam pejabat dan tidak hanya tertumpu di ruang kerja peribadi sahaja.

Pelaksanaan projek ini didahului dengan bangunan Biro Johor yang mana bangunan ini telah dibina pada tahun 1980 dan kini berusia 41 tahun. Tempoh pelaksanaan kerja-kerja ubah suai dan menaik taraf bangunan Biro Johor ini bermula dari 14 Oktober 2020 hingga 27 Disember 2020 (10 minggu) sahaja. Projek ini merupakan penanda aras bagi projek yang lain kerana tempoh siap projek ini mendahului jadual sebenar siap projek yang asalnya adalah 4 bulan.

BIRO JOHOR



Ketika pelaksanaan kerja-kerja ubah suai dan menaik taraf Biro Johor hampir ke penghujungnya, Biro Pahang juga telah memulakan kerja-kerja ubah suai dan menaik taraf bangunan berusia 43 tahun yang dibina pada tahun 1978. Tempoh pelaksanaan kerja-kerja ubah suai dan menaik taraf bangunan Biro Pahang ini bermula dari 1 Disember 2020 hingga 2 April 2021 (4 bulan).

Biro yang terakhir yang melaksanakan kerja-kerja ubah suai dan menaik taraf ini adalah Biro Sarawak, bangunan ini yang dibina pada tahun 1988 telah berusia 33 tahun. Tempoh pelaksanaan

BIRO PAHANG



kerja-kerja ubah suai dan menaik taraf bangunan Biro Sarawak ini bermula dari 21 Disember 2020 hingga 25 Mei 2021 (5 bulan). Tahniah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada petugas BERNAMA yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah memberi sepenuh komitmen tanpa mengira

BIRO SARAWAK



masa sepanjang pelaksanaan projek ini. Semoga kerjasama yang dijalinan antaranya iaitu Jabatan Pengarang, Bahagian Pentadbiran & Fasiliti, Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi, Bahagian Kewangan & Akaun dan Unit Komunikasi Korporat sebelum ini dapat diteruskan dengan eratnya.

Nantikan coretan akan datang di bawah Projek Menaik taraf Bangunan Biro-Biro BERNAMA Seluruh Malaysia (Fasa 2). Perlis, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Melaka...

Diterbitkan oleh:

Bahagian Strategi Korporat